

22/05/2001

Penerimaan ahli Akar bukti Umno matang

SEJAK penubuhannya pada 11 Mei 1946, Umno sudah melalui pelbagai evolusi mengikut perkembangan dalam negara dan peredaran zaman. Pada peringkat awal penubuhannya, Umno yang dipimpin Allahyarham Datuk Onn Jaafar, hanya menumpukan perhatian kepada usaha memupuk perpaduan orang Melayu menentang Malayan Union. Dengan kepemimpinannya kemudian diwarisi Almarhum Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, Allahyarham Tun Hussein Onn hinggalah kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kini, Umno beransur-ansur mengubah budaya dan tradisi orang Melayu daripada kehidupan yang daif kepada satu tahap yang gemilang. Hari ini, Umno diterima sebagai satu kuasa yang mampu membentuk dan mencorakkan individu atau institusi lain dalam masyarakat. Hakikatnya ialah kewujudan Umno mempunyai impak yang begitu nyata.

Sepanjang proses pendewasaan Umno, segala liku cabaran dan dugaan berjaya ditempuhi dengan penuh yakin bagi mengisi aspirasi sebuah negara merdeka. Pengisian itu meliputi aspek ekonomi, pendidikan, sosial, kerohanian dan kebudayaan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Umno diasaskan oleh pemimpin Melayu dan juga tetap memperjuangkan hak orang Melayu khususnya, tetapi tidak pula membelakangkan hak warganegara daripada kaum lain secara adil dan saksama. Umno mempunyai tanggungjawab besar bagi membangun, memelihara dan mengukuhkan kedudukan bangsa Melayu dalam segenap bidang kehidupan. Namun, dalam konteks masyarakat berbilang kaum di negara ini, Umno tidak terlepas daripada soal menjaga kepentingan kaum lain untuk sama-sama berkongsi nikmat kemerdekaan dan kemajuan.

Kita boleh menyimpulkan langkah terbaru Umno kelmarin yang buat kali pertama menerima kemasukan kaum Cina di kalangan bekas ahli Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) yang dibubarkan, adalah atas semangat yang sama. Andainya disorot, cadangan supaya keahlian Umno dibuka kepada bukan Melayu dan menukar nama parti itu daripada United Malays National Organization kepada United Malayan National Organization dua kali dibuat Allahyarham Datuk Onn pada 1950 dan 1951 lagi, tetapi ditolak oleh ahli ketika itu. Sebagaimana yang dijelaskan Dr Mahathir kelmarin, proses kerjasama antara kaum turut mengambil masa yang panjang dan hanya mula menampakkan kejayaan apabila Tunku mengubah kaedah kerjasama dengan orang bukan Melayu sebagai rakan dalam Perikatan.

Malah, dengan penyertaan kaum Cina Sabah dalam Umno, segala-galanya kini berkemungkinan. Tiada siapa harus melihat kemungkinan Umno sebagai tonggak Barisan Nasional (BN) membuka pintunya kepada penyertaan semua kaum, sebagai suatu perkembangan yang mustahil. Di Kedah, Umno turut menerima kaum Thai menyertainya. Mungkin hanya masa dan keadaan bakal menentukan keahliannya akan diperluaskan kepada semua kaum, dengan Umno menjadi teladan kerjasama dan persepakatan yang ketika ini menjadi amalan dalam BN. Sambil kita tidak menjangkakan ia akan berlaku pada waktu terdekat, reaksi positif parti gabungan seperti MCA, Gerakan dan MIC ketika ini membayangkan perubahan ke arah itu. Selama ini pun, Umno sebagai parti yang dianggotai orang Melayu yang memperjuangkan kepentingan Melayu, turut tidak mengabaikan tanggungjawab terhadap bukan Bumiputera yang sudah banyak menerima manfaat. Inilah yang menyerlahkan Umno sebagai parti yang lebih matang hari ini.

(END)